



**PERMOHONAN KEMASUKAN KE TINGKATAN EMPAT TAHFIZ BESTARI  
KULLIAH AL-LUGHAH WADDIN  
AS-SULTAN ABU BAKAR PEKAN PAHANG TAHUN 2021**

1. Iklan permohonan kemasukan ke kelas Tahfiz Bestari tingkatan 4 di Kulliah Al-Lughah Waddin As-Sultan Abu Bakar, Pekan akan dibuka mulai **23 November 2020 ( Isnin )**.
2. Borang permohonan boleh didapati di Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Pahang, Pekan dan di semua Sekolah Menengah Agama Kerajaan Pahang ( SMAN ).
3. Syarat-syarat kelayakan permohonan adalah seperti berikut :
  - 3.1 **Pemohon adalah warganegara Malaysia;**
  - 3.2 **Ibu atau bapa warganegara Malaysia;**
  - 3.3 **Pemohon/ibu/bapa lahir di negeri Pahang (anak kelahiran Pahang diutamakan); atau, Jika pemohon/ibu/bapa lahir di luar Pahang dan telah bermastautin lebih dari sepuluh (10) tahun dan berhasrat untuk terus menetap di negeri Pahang perlu mengemukakan surat pengesahan tempoh bermastautin daripada Pegawai Daerah/Penghulu Mukim; atau, kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat di negeri Pahang. Surat pengesahan daripada Ketua Jabatan perlu dikemukakan.**
  - 3.4 Berkelakuan baik;
  - 3.5 Pemohon dari SMAN Pahang perlu:
    - 3.5.1 Menghafaz sekurang-kurangnya 3 juzuk al-quran;
    - 3.5.2 Mengambil mata pelajaran PT3 pada tahun semasa.
  - 3.6 Pemohon dari luar SMAN Pahang perlu:
    - 3.6.1 Menghafaz sekurang-kurangnya 10 juzuk al-quran;
    - 3.6.2 Mengikuti kurikulum Bouth al-Azhar atau setaraf;
    - 3.6.3 Mengambil mata pelajaran PT3 pada tahun semasa.
  - 3.7 Pemohon lulusan luar negara perlu:
    - 3.7.1 Menghafaz sekurang-kurangnya 15 juzuk al-quran;
    - 3.7.2 Mengikuti kurikulum Bouth Al-Azhar atau setaraf;
    - 3.7.3 Mengambil empat dari mana mana mata pelajaran umum seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Matematik, Sains dan Sejarah pada tahun semasa.
4. Tarikh **tutup permohonan** pada **07 Disember 2020 ( Isnin )**. Borang permohonan hendaklah dihantar ke Bahagian Pendidikan ,Jabatan Agama Islam Pahang, Pekan dengan pengesahan sekolah beserta salinan dokumen yang telah disahkan seperti berikut:
  - 4.1 **Kad pengenalan pemohon, ibu bapa / penjaga;**
  - 4.2 **Sijil kelahiran pemohon;**
  - 4.3 **Sijil-Sijil yang berkaitan ( bagi pemohon luar negara ).**
5. Pemohon yang memenuhi syarat kelayakan akan dihubungi oleh pihak JAIP bagi menjalani temu uji.
6. Surat tawaran akan dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan JAIP.
7. Pemohon yang berjaya hendaklah membawa slip keputusan tawaran ke Kulliah Al-Lughah Waddin As-Sultan Abu Bakar. Keputusan pemilihan **adalah muktamad**.
8. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Pahang di talian 09-4271163.

**Pengarah  
Jabatan Agama Islam Pahang**